



YANG Dipertua Persatuan Bekas Kakitangan Kerajaan (PEKIRA), Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim menyerahkan sumbangan derma sebanyak BND3,540 untuk Tabung Kemanusiaan Bencana Banjir Australia dan Gempa Bumi New Zealand dan BND3,540 lagi untuk Tabung Kemanusiaan Mangsa Gempa Bumi dan Tsunami Jepun, yang diserahkan kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah. - Foto : Azmah Haji Ahad.

Kuasai banyak bahasa ke arah komunikasi berkesan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusoff menyampaikan sijil kepada seorang peserta yang menamatkan Kursus Intensif, berlangsung di Universiti Islam Sultan Sharif Ali. - Foto : Dk. Nur Hafillah Pg. Osman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 Jun. - Setiausaha Tetap

Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusoff menekankan, bahasa Inggeris dan Arab merupakan bahasa antarabangsa yang penting dalam dunia hari ini.

Menurut Awang Haji Abdul Aziz, bahasa-bahasa tersebut merupakan alat penting dalam pembelajaran, penyelidikan dan berkomunikasi bagi para pelajar.

Untuk *survive* dalam dunia global ini ujarnya, kita perlu menguasai banyak bahasa ke arah komunikasi yang berkesan dan bahasa Inggeris salah satu daripadanya.

Setiausaha Tetap KHEU menegaskan perkara itu di Majlis Penutup Kursus Intensif Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris bagi Sesi Pengajian 2011/2012, berlangsung Dewan Jubilee, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Gadong, di sini.

Awang Haji Abdul Aziz berharap para pelajar mendapat manfaat dalam semua empat kemahiran iaitu membaca, mendengar, bercakap dan menulis melalui kursus tersebut.

Kursus intensif itu kata Awang Haji Abdul Aziz mempersiapkan

Oleh : Nooratini Haji Abas

para pelajar untuk menjalani ijazah pertama dalam bulan Ogos tahun ini dengan penuh keyakinan dan semangat.

Semasa berucap beliau juga mengucapkan tahniah kepada para pelajar yang berjaya menamatkan kursus intensif tiga bulan bahasa Arab dan Inggeris itu.

Kepada penganjur kursus, beliau mengucapkan tahniah kerana di sebalik kekurangan kakitangan masih mampu mengurusnya dengan baik.

"Kerja keras, kerjasama dan sokongan itu sangat dihargai. Pengetahuan, pengalaman dan kepakaran anda dalam mengajar pasti telah meningkat dan memperjelaskan konsep-konsep pelajar yang penting bagi pengajian sesuatu bahasa," ujarnya.

Sementara Pengarah Pusat Pengantaraan Ilmu dan Bahasa, Dr. Sahibuddin Laming menjelaskan bahawa kursus yang diadakan selama tiga bulan itu adalah untuk menguatkan dan meningkatkan lagi penguasaan dan penggunaan bahasa Arab dan Inggeris sebelum mereka memulakan pengajian nanti.

Antara tujuan kursus

itu katanya, adalah disebabkan semua penyampaian dalam bilik kuliah termasuk membuat *assignment* disampaikan dalam kedua-dua bahasa tersebut malahan mereka yang meneruskan pengajian di luar negeri juga akan berdepan dengan kedua-dua bahasa tersebut.

Di majlis itu, tetamu kehormat bersama para tetamu yang hadir juga menyaksikan persembahan tausyeh dan drama yang disampaikan oleh para pelajar UNISSA diikuti penyampaian sijil kepada 90 pelajar yang mengikuti kursus tersebut yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

Objektif utama kursus tersebut adalah untuk memahirkan dan memperkukuhkan lagi bakal-bakal pelajar UNISSA untuk berbahasa Arab dan Inggeris, di samping memperkenalkan bahasa Arab asas kepada para pelajar berkenaan yang bukan dari aliran Arab selain untuk mempermudah mereka untuk mengikuti pengajian di universiti tersebut.

Juga hadir, Timbalan Rektor UNISSA, Pengeran Anak Dr. Haji Amiruddin Alam Shah bin Pengeran Anak Haji Ismail serta pensyarah-pensyarah UNISSA.

Tabung Bencana Banjir Australia, Gempa New Zealand, Tsunami Jepun terima sumbangan BND8,180

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Jun. - Sejumlah BND8,180 disumbangkan untuk Tabung Kemanusiaan Bencana Banjir Australia, Gempa Bumi New Zealand serta Tabung Kemanusiaan Mangsa Gempa Bumi dan Tsunami Jepun.

Persatuan Bekas Kakitangan Kerajaan (PERKIRA) menyumbangkan BND3,540 untuk Tabung Kemanusiaan Bencana Banjir Australia dan Gempa Bumi New Zealand serta BND3,540 juga bagi Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi dan Tsunami Jepun, kutipan sumbangan itu adalah hasil dari Perlawanan Golf Amal PERKIRA yang diadakan baru-baru ini.

Oleh : Abdullah Asgar

Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) pula menyumbangkan BND1,100 bagi Tabung Kemanusiaan Mangsa Gempa Bumi dan Tsunami Jepun, melalui hasil kegiatan Walkaton Amal Majlis Wanita sempena Sambutan Jubli Perak badan yang diraikan baru lalu.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menerima sumbangan tersebut dari Yang Dipertua PERKIRA, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka

Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim dan Yang Dipertua MWNBD, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam binti Pengiran Haji Metarsat.

Majlis serah terima kedua-dua sumbangan itu berlangsung Bilik Mesyuarat Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), di sini.

Antara yang hadir termasuklah kedua-dua Setiausaha Tetap KKBS, Dato Paduka Awang Sa Bali bin Abas dan Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar serta pegawai-pegawai kanan dari KKBS dan Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Setakat ini, Tabung Kemanusiaan Bencana Banjir Australia dan Gempa Bumi New Zealand telah menerima BND51,511.54 dari orang awam dan USD100,000.

Dan Tabung Kemanusiaan Mangsa Gempa Bumi dan Tsunami Jepun telah mengutip BND80,844.89 dari orang awam dan USD50,000.

Sementara itu jumlah kutipan dari khidmat pesanan ringkas, SMS Brunei Prihatin telah mengumpul BND35,372 bagi Tabung Kemanusiaan Bencana Banjir Australia dan Gempa Bumi New Zealand dan BND37,196 bagi Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi dan Tsunami Jepun.

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan tandatangani perjanjian



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Dr. Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menyaksikan Majlis Penandatanganan Perjanjian Kontrak Perkhidmatan Konsultansi bagi Projek 'Kajian ke Atas Taburan, Kepelbagaian Genetik dan Pembangunan Spesies Buah-Buahan Asli Di Negara Brunei Darussalam'. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

BERAKAS, Khamis, 2 Jun. - Bagi menilai dan mengenal pasti secara sistematik kepelbagaian bio buah-buahan asli di Negara Brunei Darussalam Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) dan CAB International Southeast and East Asia telah menandatangani perjanjian kontrak perkhidmatan konsultansi bagi projek 'Kajian Ke Atas Taburan, Kepelbagaian Genetik dan Pembangunan Spesies Buah-Buahan Asli Di Negara Brunei Darussalam'.

Menandatangani bagi Jabatan Pertanian dan Agrimakanan ialah Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd. Hanifah dan disaksikan oleh Penolong Pengarah Pertanian, Dayang Fuziah binti Haji Hamdan, sementara mewakili bagi CAB International Southeast and East Asia ialah Ketua Saintis, Dr. Lum Keng Yeang dan disaksikan oleh Saintis Low Ying Chiang.

Penandatanganan di Dewan Setia Pahlawan KPSSU itu disaksikan oleh Setiausaha Tetap KPSSU, Dato Paduka Dr. Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah. Juga hadir ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Sumber-Sumber Utama), KPSSU, Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri.

Projek penandatanganan di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN9) 2007-2012 itu bermatlamat untuk menerokai dan mendokumentasikan maklumat saintifik tentang kepelbagaian buah-buahan asli tempatan di negara ini untuk memulihara spesies buah-buahan yang unik serta bernilai dari pupus melalui penerapan teknologi pemuliharaan yang bersistematik.

Sementara objektif utama projek ialah untuk menerbitkan buku saintifik tentang buah-buahan asli di negara ini, di samping meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam teknologi

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman, Syuaib Haji Sulaiman

buah-buahan terutama sistem pencaman spesies buah-buahan dan teknologi pengurusan jana plasma buah-buahan.

Ianya juga untuk mewujudkan peta taburan spesies buah-buahan di negara ini selaras dengan sistem piawaian antarabangsa dan juga bagi membentuk rancangan strategik jangka pendek dan jangka panjang pembangunan buah-buahan asli tempatan di negara ini.

Projek tersebut akan dilaksanakan selama 30 bulan yang dibahagikan kepada lima fasa dengan aktiviti utama antaranya Mesyuarat permulaan projek yang akan membincangkan pelan strategik jangka pendek dan panjang mengenai pembangunan buah-buahan asli tempatan cadangan dan penyediaan kerja-kerja projek dan lawatan sambil belajar.

Kaji selidik buah-buahan asli keterangan botani dan pembangunan pengecaman taksonomi

dan dokumentasi kaedah dan latihan kerja yang berkaitan juga penerbitan peta taburan spesies buah-buahan asli dan penubuhan sistem pangkalan data buah-buahan asli di Negara Brunei Darussalam serta perancangan jangka pendek dan panjang tentang pemuliharaan buah-buahan asli negara ini.

Manakala faedah-faedah yang diperolehi dari pelaksanaan projek ini pula ialah penerbitan buku saintifik dalam bahasa Inggeris dan Melayu mengenai buah-buahan di Negara Brunei Darussalam untuk rujukan penyelidik mahasiswa, pelajar dan orang awam selain bagi mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan dalam mengenal pasti spesies buah-buahan dan pengurusan jana plasma serta memberikan peningkatan kesedaran dan penghargaan orang awam terhadap kewujudan buah-buahan asli di Negara Brunei Darussalam sebagai warisan yang berharga.